



ROSAK... Sebahagian daripada kenderaan yang turut terperangkap dalam kejadian tanah runtuh di belakang flat kos rendah, Seksyen 10 Wangsa Maju, Kuala Lumpur, malam tadi.

um 10/10/2006 - Gambar ZHAFARAN NASIB

Tanah runtuh: 600 diarah berpindah

KUALA LUMPUR 9 Okt. - Hujan lebat petang ini menyebabkan tanah runtuh di belakang flat kos rendah Seksyen 10 Wangsa Maju, memaksa lebih 600 penghuninya mengosongkan empat blok bangunan di situ.

Tanah runtuh itu yang berlaku kira-kira pukul 7.10 malam, lima minit selepas masuk waktu Maghrib dan umat Islam sedang berbuka puasa, memusnahkan kawasan pembuangan sampah flat berkenaan, menimbunkan tanah di situ selepas ditolak oleh air hujan.

Pihak berkuasa mengarahkan empat blok flat itu - blok 3, 4, 5 dan 6 - dikosongkan walaupun runtuhannya tanah berkenaan tidak mengenainya. Setiap blok mempunyai 160 unit.

Tinjauan *Bernama* mendapati pihak berkuasa, termasuk polis, Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat serta Jabatan

Empat hari lepas saya perhatikan ada pergerakan tanah berlaku. Saya telah berulang kali membuat aduan tetapi pihak berkuasa tidak begitu mengendahnya

ANUAR MADON
Peghuni flat

Perkhidmatan Awam mengambil langkah berjaga-jaga di kawasan itu kerana bimbang situasi bertambah buruk.

Seorang penghuni **Anuar Madon**, 54, berkata, hakisan kecil tanah berlaku sebelum hujan lebat pada kira-kira pukul 4 petang.

"Saya melihat hakisan kecil berlaku di belakang blok saya. Saya mengambil sebatang kayu dan mencucuk tanah di situ dan mendapati ia tenggelam sedalam kira-kira satu meter... tanah itu ti-

dak mampat," katanya yang tinggal di Blok 5 flat lima tingkat itu.

"Pada kira-kira 6.45 petang, saya ke Balai Polis Wangsa Maju untuk membuat laporan kejadian itu dan (tidak lama kemudian) saya diberitahu (mendapat panggilan) tanah runtuh telah berlaku kira-kira pukul 7.10 malam," katanya.

Beliau berkata, kebanyakan penghuni yang ketika itu sedang berbuka puasa, meluru keluar rumah apabila terdengar bunyi kuat tanah runtuh dan pihak

berkuasa yang sampai 20 minit kemudian, menasihatkan kawasan itu dikosongkan.

Anuar, yang telah tinggal di flat itu selama 19 tahun, mendakwa hakisan kecil tanah telah berlaku sebelum ini.

"Empat hari lepas saya perhatikan ada pergerakan tanah berlaku. Saya telah berulang kali membuat aduan tetapi pihak berkuasa tidak begitu mengendahnya," katanya.

Sementara itu, Menteri Wilayah Persekutuan yang juga anggota Parlimen Wangsa Maju, Datuk Zulhasnan Rafique yang berada di tempat kejadian memberitahu pemberita bahawa tanah runtuh itu berlaku di belakang Blok 5 dan 6 flat berkenaan.

"Tanah runtuh itu begitu hampir dengan kedua-dua blok berkenaan

■ **Lihat muka 3**